

Kastam rampas dadah RM10.55 juta

Ms.24

Rabu, 16 Ogos 2017 BH

→ JENAYAH

Kastam rampas dadah RM10.55 juta

→ Taktik licik cubaan kali ke-20 gagal kaburi pihak berkuasa

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi dan
Safeek Affendy Razali
Emel tuty@bh.com.my

► Nilai

Cubaaan kali ke-20 satu sindiket membawa masuk dadah bernilai RM10.55 juta gagal, apabila dikesan Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam serbuan di Seri Kembangan,

Selangor, petang kelmarin.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri T Subromaniam, berkata hasil maklumat orang awam, sepasukan anggota membuat serbuan di sebuah premis kira-kira jam 6 petang dan menemui 800 guni serbuk putih yang diisytihar sebagai *Magnesium Sulphate* yang dibawa dari Chennai, India, melalui Pelabuhan Klang.

Guna modus operandi sama kaburi pihak berkuasa

Pemeriksaan lanjut katanya, sebanyak enam guni dikesan mengandungi dadah jenis Methamphetamine seberat 150.7 kilogram.

"Ini kali ke-20 sindiket ini masuk ke negara ini dan kita percaya mereka menggunakan modus operandi sama ketika masuk ke negara ini untuk mengedar dadah sebelum ini bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Bagaimanapun, siasatan lanjut masih dijalankan termasuk terhadap syarikat penghantaran dan stor simpanan," katanya pada sidang media di Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM di sini, semalam.

Subromaniam berkata, pihaknya turut merampas sebuah kenderaan pacuan empat roda di lokasi sama, yang dipercayai digunakan untuk mengedar dadah.

Katanya, pihaknya turut menahan lima lelaki warga Bangladesh selain masing-masing seorang warga tempatan dan Nepal, berusia 20 sehingga 43 tahun yang sedang memunggah guni dari kontena masuk ke premis berkenaan.

"Semua yang ditahan kini di-remam selama tujuh hari mulai hari ini (semalam) mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

[FOTO ADZLAN SIDIK/BH]



Anggota Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Jabatan Kastam merampas dadah jenis methamphetamine dalam serbuan di Seri Kembangan, Selangor, kelmarin.